



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Pertubuhan (Pindaan) 1981

DR.8/1981

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[(1)]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1981.

Tajuk
ringkas.

2. Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja takrif “pemegang-jawatan”, takrif-takrif baru seperti berikut:

Pindaan
bagi
seksyen 2.
13/66.

“parti politik” ertinya—

(a) sesuatu pertubuhan yang menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu adalah tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau kaedah yang menjadi tambahan kepada tujuan atau tujuan-tujuan utamanya atau kepada kaedah atau kaedah-kaedah utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu menyertai, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan, atau mengadakan peruntukan baginya mengusahakan perlantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya; atau

- (b) sesuatu pertubuhan yang, walau apapun yang terkandung dalam tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menjalankan apa-apa aktiviti atau mengejar apa-apa matlamat yang melibatkan penyertaannya, melalui calon-calonnya, dalam pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan, atau yang melibatkan ia mengusahakan perlantikan atau pemilihan ke Dewan Negara seseorang yang dicadangkan atau disokong olehnya;

“pertubuhan politik” ertinya mana-mana pertubuhan yang—

- (a) menurut mana-mana tujuan atau kaedahnya, tidak kira sama ada tujuan atau kaedah itu adalah tujuan atau kaedah utamanya, atau semata-mata merupakan tujuan atau kaedah yang menjadi tambahan kepada tujuan atau tujuan-tujuan utamanya atau kepada kaedah atau kaedah-kaedah utamanya, mengadakan peruntukan bagi pertubuhan itu—

- (i) memperolehi dengan apa jua cara sesuatu takat kawalan terhadap, atau untuk mempengaruhi dengan apa jua cara, Kerajaan Malaysia, atau Kerajaan mana-mana Negeri, atau pentadbiran mana-mana pihak berkuasa tempatan; atau
- (ii) mempengaruhi dengan apa jua cara dasar-dasar atau aktiviti-aktiviti atau mana-mana daripada dasar atau aktiviti, atau penjalanan, pengurusan, atau pengendalian, Kerajaan Malaysia, atau Kerajaan mana-mana Negeri, atau mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana pihak berkuasa berkanun, atau mana-mana jabatan atau ejensi mana-mana Kerajaan atau pihak berkuasa itu; atau
- (iii) membantu dengan apa jua cara mana-mana pertubuhan atau pertubuhan-pertubuhan lain untuk mendapatkan apa-apa kawalan atau menjalankan apa-apa pengaruh yang tersebut dalam perenggan-perenggan kecil (i) dan (ii); atau

(b) walau apapun yang terkandung dalam tujuan-tujuan atau kaedah-kaedahnya, menguruskan halnya atau menjalankan aktiviti-aktiviti dengan cara yang jika diambil kira secara menyeluruh mempunyai kecondongan untuk mendesak supaya prinsip atau tujuannya itu diterima-pakai sebagai dasar Kerajaan Malaysia atau Kerajaan mana-mana Negeri; atau

(c) menjadi parti politik; atau

(d) menyokong, atau menyatakan dengan apa jua cara sokongan atau simpati bagi, mana-mana parti politik, atau menentang, atau menyatakan dengan apa jua cara apa-apa tentangan terhadap, mana-mana parti politik; atau

(e) menyokong, atau menyatakan dengan apa jua cara sokongan atau simpati bagi, atau menentang, atau menyatakan dengan apa jua cara tentangan terhadap,—

(i) mana-mana calon, calon-calon, atau kumpulan calon dalam mana-mana pemilihan ke Dewan Rakyat, atau ke Dewan Undangan Negeri, atau ke pihak berkuasa tempatan; atau

(ii) mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa perlantikan atau pemilihan ke Dewan Negara; atau

(f) menyokong, atau menyatakan dengan apa jua cara sokongan atau simpati bagi, atau menentang, atau menyatakan dengan apa jua cara apa-apa tentangan terhadap, mana-mana parti politik dalam mana-mana pemilihan atau perlantikan yang tersebut dalam perenggan (e);’.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 2, seksyen baru 2A seperti berikut :

Seksyen baru 2A.

“Per-
tubuhan-
pertubuhan
berdaftar
hendaklah
bertindak
melaksana-
kan Perlem-
bagaan.
2A. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pertubuhan berdaftar pada menjalankan aktiviti-aktivitinya dan semasa menguruskan hal-ehwalnya menentukan bahawa perjalanan aktiviti dan pengurusan hal-ehwal itu adalah selaras dengan, dan berfaedah bagi pelaksanaan, dan pematuhan, peruntukan-peruntukan

Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri, dan jika mana-mana daripada aktiviti-aktiviti atau hal-ehwal mana-mana pertubuhan itu adalah dengan apa jua cara melanggar, atau mengurangkan, atau bertentangan dengan, atau menampakkan sikap tidak mengendahkan—

- (a) sistem pemerintahan berdemokrasi yang diketuai oleh raja yang berperlembagaan bagi Persekutuan, dan oleh Raja atau Yang di-Pertua Negeri yang berperlembagaan bagi Negeri-negeri; atau
- (b) kedudukan Islam sebagai ugama bagi Persekutuan, berserta ugama-ugama lain yang diamalkan dengan aman dan harmoni; atau
- (c) penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi maksud-maksud rasmi; atau
- (d) kedudukan orang-orang Melayu dan bumiputra di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak; atau
- (e) kepentingan yang sah bagi masyarakat-masyarakat lain; atau
- (f) apa-apa perkara lain,

sebagaimana diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana Perlembagaan Negeri, Pendaftar boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepadanya.

(2) Mana-mana pertubuhan yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Pendaftar membatalkan pendaftaran sesuatu pertubuhan di bawah seksyen kecil (1) boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan yang dibuat oleh Pendaftar, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri, dan keputusan Menteri mengenai rayuan itu adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.”.

4. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perenggan (b) dalam proviso kepada seksyen kecil (1). Pindaan bagi seksyen 7.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 9, seksyen baru 9A seperti berikut: Seksyen baru 9A.

"Hilang kelayakan terpakai bagi pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar.

9A. (1) Tertakluk kepada seksyen kecil (2) dan (4), seseorang adalah hilang kelayakan daripada menjadi, dan tidak boleh menjadi atau terus menjadi, pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar—

(a) jika ia telah disabit melakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini; atau

(b) jika ia telah disabitkan melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain dan telah dijatuhkan hukuman denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun; atau

(c) jika ada dikuatkuasakan terhadapnya apa-apa perintah tahanan, sekatan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri, atau pengusiran di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan keselamatan atau ketenteraman awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, atau berhubungan dengan pencegahan jenayah, tahanan kerana keselamatan, kediaman terhad, buang negeri atau imigresen; atau

(d) jika ia adalah sibankrap yang belum dilepaskan; atau

(e) jika ia adalah dan telah didapati atau ditetapkan sebagai tak sempurna akal.

(2) Hilang kelayakan bagi seseorang di bawah perenggan (b) seksyen kecil (1) adalah terhenti apabila tamat tempoh lima tahun mulai dari tarikh orang yang disabitkan itu dilepaskan dari jagaan atau tarikh denda tersebut dikenakan, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Jika Pendaftar melalui notis di bawah tandatangannya memberitahu sesuatu pertubuhan bahawa mana-mana pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan telah hilang kelayakan di bawah seksyen kecil (1), pertubuhan itu hendaklah serta-merta selepas itu melaksanakan hilang kelayakan itu.

(4) Mana-mana orang yang tertakluk kepada apa-apa hilang kelayakan di bawah perenggan (a), (b) atau (c) seksyen kecil (1) boleh memohon kepada Pendaftar supaya dikecualikan daripada terpakainya hilang kelayakan itu, dan Pendaftar boleh, jika difikirkannya patut berbuat demikian, memberi apa-apa pengecualian kepadanya bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Pendaftar dan tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, had atau syarat yang diputuskan untuk dikenakan olehnya.

(5) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan Pendaftar di bawah seksyen kecil (4) boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan yang dibuat oleh Pendaftar, merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri, dan keputusan Menteri mengenai rayuan itu adalah terakhir dan muktamad, dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(6) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen kecil (1) atau apa-apa batasan, sekatan, had atau syarat yang dikenakan di bawah seksyen kecil (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun, atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, atau kedua-duanya.

(7) Bagi maksud-maksud seksyen kecil (1), "pemegang jawatan" termasuklah—

(a) ahli mana-mana jawatankuasa kecil atau badan-badan lain yang ditubuhkan atau

dibentuk oleh badan pengelola sesuatu pertubuhan berdaftar, atau oleh badan pengelola cawangan pertubuhan itu;

(b) seseorang yang sedikit sebanyak bertanggungjawab atas pengurusan apa-apa hal-ehwal, atau penjalanan apa-apa aktiviti, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu; dan

(c) seseorang yang dilantik atau diberikuasa untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, sesuatu pertubuhan berdaftar, atau mana-mana cawangan pertubuhan itu, dalam apa-apa perkara, lain daripada seseorang yang, tidak menjadi ahli pertubuhan itu, diambil bekerja oleh pertubuhan itu untuk mewakili, atau bertindak bagi pihak, pertubuhan itu atau mana-mana cawangan pertubuhan itu atas sifat profesionalnya atau mengikut perkiraan kontrak.

(8) Seseorang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, menjadi pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar boleh terus memegang jawatan itu sehingga tamat tempoh jawatan atau perlantikannya yang sekarang ini atau sehingga tamat kontrak perkhidmatannya, mengikut mana yang berkenaan, walaupun ia hilang kelayakan di bawah seksyen kecil (1).”.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 11 seksyen baru 11A yang berikut: Seksyen baru 11A.

“Permohonan untuk mengadakan gabungan atau hubungan luar negeri.

11A. (1) Jika sesuatu pertubuhan berdaftar bercadang hendak mengadakan apa-apa gabungan atau hubungan di luar Persekutuan pertubuhan itu hendaklah, sebelum memulakan gabungan atau hubungan itu, memohon kepada Pendaftar secara bertulis, kebenaran mengadakan gabungan atau hubungan itu, dan memberi kepada Pendaftar segala butir-

butir yang perlu dan berkaitan berhubungan dengannya serta apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar:

Dengan syarat bahawa peruntukan-peruntukan seksyen kecil di atas ini tidak boleh dipakai bagi gabungan atau hubungan yang telah mendapat kelulusan Menteri di bawah perenggan (c) dalam proviso kepada seksyen kecil (1) seksyen 7.

(2) Jika sesuatu pertubuhan berdaftar telah-pun mengadakan apa-apa gabungan atau hubungan di luar Persekutuan sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen ini, tidak kira sama ada kelulusan Menteri di bawah proviso kepada seksyen kecil (1) seksyen 7 telah didapati atau tidak berkenaan dengan gabungan atau hubungan itu, pertubuhan berdaftar itu hendaklah, dalam masa satu tahun setelah seksyen ini mula berkuatkuasa, memohon secara bertulis kepada Pendaftar mendapatkan kebenaran untuk terus mengekalkan gabungan atau hubungan itu dan memberi kepada Pendaftar segala butir-butir yang perlu dan berkaitan berhubungan dengannya serta apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Jika pertubuhan berdaftar itu tidak diberi kebenaran di bawah seksyen kecil (2), maka pertubuhan itu hendaklah, dalam masa tiga bulan setelah keputusan Pendaftar disampaikan kepadanya, menamatkan gabungan atau hubungan itu.

(4) Mana-mana pertubuhan yang melanggar seksyen kecil (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya.”

Pindaan
bagi
seksyen 13.

7. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “atau di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini” selepas sahaja perkataan-perkataan “seksyen ini” dalam seksyen kecil (3).

8. Seksyen 13A Akta itu adalah digantikan dengan yang berikut—

Pindaan
bagi
seksyen 13A.

“Kuasa
Pendaftar
membuat
perintah
tertentu
mengenai
pertubuhan
berdaftar.

13A. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa adalah perlu berbuat demikian bagi kepentingan mana-mana pertubuhan berdaftar, atau bagi kepentingan ketenteraman awam, keamanan atau keselamatan, atau selainnya bagi kepentingan awam, Pendaftar boleh pada bila-bila masa, setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepadanya, membuat suatu perintah secara bertulis—

(a) menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, mengadakan peruntukan dalam kaedah-kaedah atau perlembagaannya menetapkan bahawa pemegang-pemegang jawatan pertubuhan itu hendaklah warganegara Persekutuan, dan, oleh sebab itu, menghendaki pertubuhan itu supaya memecat semua orang yang, bukan warganegara Persekutuan, menjadi pemegang jawatan pertubuhan itu sebelum sahaja perintah itu dibuat; atau

(b) melarang pertubuhan itu daripada mempunyai, secara langsung atau taklangsung, apa-apa gabungan, hubungan, komunikasi atau apa-apa jua urusan lain dengan mana-mana pertubuhan, organisasi atau mana-mana jua badan lain di luar Persekutuan atau dengan mana-mana pihak berkuasa, baik kerajaan mahupun sebaliknya, dalam mana-mana negeri, wilayah atau tempat di luar Persekutuan, walaupun adanya kelulusan Menteri di bawah proviso kepada seksyen kecil (1) seksyen 7 atau apa-apa kebenaran yang diberi di bawah seksyen 11A; atau

(c) mengarah pertubuhan yang bukan pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian 1A, supaya memecat, dalam tempoh yang

dinyatakan dalam perintah itu, mana-mana pemegang jawatan atau penasihat pertubuhan itu.

(2) Pendaftar boleh pada bila-bila masa, setelah memberi peluang kepada pertubuhan berdaftar supaya membuat bantahan kepadanya, membuat perintah secara bertulis menghendaki pertubuhan itu, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu, meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya supaya—

- (a) menuruti, atau sesuai dan selaras dengan, peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; atau
- (b) menghapuskan apa-apa ketaksaan atau kesamaran yang terdapat dalamnya, atau menerangkan dengan lebih jelas dan tepat lagi makna dalam mana-mana peruntukannya; atau
- (c) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu, munasabah atau mustahak diadakan oleh Pendaftar.

(3) Jika Pendaftar membuat suatu perintah di bawah seksyen kecil (1) atau (2), ia boleh memasukkan dalam perintah itu, atau membuat atau memberi pada bila-bila masa selepas itu, apa-apa kehendak atau arahan yang berbangkit atau tambahan berhubungan dengan apa-apa perintah yang difikirkannya perlu atau mustahak dibuat atau diberi.

(4) Pendaftar boleh, sebaik sahaja permohonan secara bertulis dibuat kepadanya oleh pertubuhan berdaftar melanjutkan tempoh yang telah diperuntukkan olehnya bagi pertubuhan itu dalam mana-mana perintah yang dibuat di bawah seksyen kecil (1) atau (2) jika ia berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memberi alasan-alasan yang baik dalam permohonannya dan adalah wajar dan patut diberi perlanjutan itu.

(5) Bagi maksud-maksud seksyen kecil (1), "pemegang jawatan" termasuk orang-orang yang dinyatakan dalam perenggan (a) dan (b) seksyen kecil (7) seksyen 9A.

(6) Mana-mana pertubuhan berdaftar yang tidak berpuas hati dengan apa-apa perintah yang dibuat oleh Pendaftar di bawah seksyen kecil (1) atau (2), atau dengan apa-apa kehendak yang dibuat atau arahan yang diberi di bawah seksyen kecil (3), boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perintah, kehendak atau arahan itu dibuat atau diberi, mengikut mana yang berkenaan, merayu terhadapnya kepada Menteri dan keputusan Menteri mengenai rayuan itu adalah terakhir dan muktamad dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

(7) Mana-mana pertubuhan yang melanggar mana-mana perintah yang diberi oleh Pendaftar di bawah seksyen kecil (1) atau (2) atau apa-apa kehendak atau arahan yang dibuat atau diberi olehnya di bawah seksyen kecil (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya."

9. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "sekshen 13 atau 16" dalam seksyen kecil (1) dengan perkataan-perkataan "mana-mana peruntukan Akta ini".

Pindaan
bagi
seksyen 17.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 18, Bahagian baru 1A seperti berikut—

Bahagian
baru 1A.

"BAHAGIAN 1A

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG DIPAKAI BAGI PERTUBUHAN POLITIK SAHAJA

Pemakaian
Bahagian 1
dan 3.

18A. Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah dipakai sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian 1 dan Bahagian 3 berkenaan dengan pertubuhan politik dan jika terdapat apa-apa percanggahan atau pertentangan antara mana-mana peruntukan

Bahagian ini dan mana-mana peruntukan yang terkandung dalam mana-mana Bahagian lain Akta ini, peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah mengatasi hanya setakat percanggahan atau pertentangan itu sahaja.

Pendaftaran
pertubuhan politik.

18B. (1) Jika pertubuhan yang memohon pendaftaran adalah suatu pertubuhan politik, pertubuhan itu hendaklah menyatakan dalam permohonan pendaftarannya bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan politik dan Pendaftar hendaklah mengenalinya sebagai pertubuhan politik apabila ia mendaftarkan pertubuhan itu.

(2) Jika pertubuhan yang memohon pendaftaran tidak menyatakan dalam permohonannya bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan politik, tetapi, menurut tujuan-tujuan dan kaedah-kaedah pertubuhan itu, Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan politik, ia boleh mengenali pertubuhan itu sebagai suatu pertubuhan politik setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepada Pendaftar.

Pertubuhan-
pertubuhan
politik
yang di-
daftar
sebelum
berkuat-
kuasanya
Bahagian
ini.

18C. Jika pertubuhan berdaftar yang telah didaftarkan sebelum mula berkuatkuasanya Bahagian ini (kemudian dari ini dalam Bahagian ini disebut "pertubuhan sedia ada") adalah suatu pertubuhan politik, pertubuhan itu hendaklah, dalam masa tiga bulan setelah Bahagian ini mula berkuatkuasa, memberitahu Pendaftar bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan politik dan Pendaftar hendaklah mengenalinya sebagai suatu pertubuhan politik dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, sebaik sahaja permohonan secara bertulis dibuat kepadanya oleh mana-mana pertubuhan sedia ada yang tertentu, melanjutkan tempoh tiga bulan itu jika ia berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah memberi alasan-alasan yang baik dalam permohonannya dan adalah wajar dan patut diberi perlanjutan itu.

Kuasa
Pendaftar
untuk
mengenal-
kan
pertubuhan
sebagai
pertubuhan
politik
pada bila-
bila masa.

18D. Walau apapun peruntukan yang terkandung dalam seksyen 18B atau 18C, jika—

(a) sesuatu pertubuhan berdaftar memohon pada bila-bila masa kepada Pendaftar supaya ia dikenali sebagai pertubuhan politik; atau

(b) Pendaftar berpuas hati pada bila-bila masa, setelah memberi peluang kepada pertubuhan berdaftar itu membuat bantahan kepadanya, bahawa pertubuhan itu adalah, atau telah menjadi, suatu pertubuhan politik,

maka Pendaftar hendaklah mengenali pertubuhan itu sebagai pertubuhan politik.

Pembatalan
ke atas
pengenalan
sesuatu
pertubuhan
sebagai
pertubuhan
politik.

18E. Sebaik sahaja permohonan secara bertulis dibuat kepada Pendaftar oleh sesuatu pertubuhan berdaftar yang dikenali sebagai pertubuhan politik dan jika Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah berhenti daripada menjadi pertubuhan politik, ia bolehlah membatalkan pengenalan pertubuhan itu sebagai suatu pertubuhan politik.

Larangan
ke atas
bukan
warganegara
menjadi
ahli
pertubuhan
politik.

18F. (1) Sesuatu pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian ini tidak boleh mengambil mana-mana orang yang bukan warganegara Persekutuan sebagai ahli pertubuhan itu, dan tiada seseorang yang sedemikian itu boleh menjadi, atau cuba menjadi, atau terus menjadi, atau cuba terus menjadi ahli pertubuhan itu.

(2) Jika sesuatu pertubuhan telah dikenali sebagai suatu pertubuhan politik di bawah Bahagian ini, pertubuhan itu hendaklah, sebaik sahaja ia dikenali sedemikian, memecat dari keanggotaannya mana-mana orang yang bukan warganegara Persekutuan, dan orang itu tidak boleh terus menjadi atau cuba terus menjadi ahli pertubuhan itu setelah pertubuhan itu dikenali sedemikian.

(3) Mana-mana pertubuhan atau mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan seksyen kecil (1) atau (2) adalah

melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa sesuatu pertubuhan berdaftar telah melanggar peruntukan-peruntukan seksyen kecil (1) atau (2), ia boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu untuk membuat bantahan kepadanya, walaupun tiada apa-apa pendakwaan telah dibuat terhadap pertubuhan itu di bawah seksyen kecil (3), atau pendakwaan terhadap pertubuhan itu atau mana-mana orang lain di bawah seksyen kecil (3) masih belum selesai atau tidak menyebabkan yang dituduh itu dihukum sabit kesalahannya.

Pertubuhan politik dilarang mendapatkan wang atau harta dari mana-mana punca asing.

18G. (1) Sesuatu pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian ini tidak boleh, secara langsung atau tak-langsung meminta, mendapat, menerima atau menyetujuterima atau cuba meminta, mendapat, menerima atau menyetujuterima apa-apa wang, atau apa-apa harta alih atau harta takalih lain dari apa-apa jua jenis atau dalam apa-apa jua bentuk, atau apa-apa faedah atau keuntungan berupa wang, dari atau yang berpunca dari, mana-mana orang yang biasanya tinggal di luar Malaysia, atau mana-mana organisasi yang bukan organisasi yang ditubuhkan dalam Malaysia di bawah undang-undang bertulis, atau dari mana-mana kerajaan, atau sesuatu ejensi mana-mana kerajaan, atau mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau pihak berkuasa lain dalam, mana-mana negeri, wilayah atau tempat di luar Malaysia :

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, atas permohonan bertulis terlebih dahulu dari pertubuhan yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian ini, membenarkan pertubuhan itu menerima wang, atau lain-lain harta, atau faedah atau keuntungan berupa wang secara langsung dari mana-mana orang,

organisasi, kerajaan, ejensi atau pihak berkuasa yang tersebut di atas tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan atau penentuan tentang amaun, nilai, keluasan, jenis atau perihalan harta, faedah atau keuntungan itu, dan tertakluk kepada segala batasan, sekatan, penentuan, had atau syarat lain yang ditetapkan oleh Pendaftar untuk dikenakan semasa memberi kebenaran itu.

(2) Mana-mana pertubuhan yang melanggar seksyen kecil (1) atau melanggar apa-apa batasan, sekatan, penentuan, had atau syarat yang dikenakan di bawah proviso kepada seksyen kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa sesuatu pertubuhan berdaftar telah melanggar seksyen kecil (1) atau melanggar apa-apa batasan, sekatan, penentuan, had atau syarat yang dikenakan di bawah proviso kepada seksyen kecil (1), ia boleh membatalkan pendaftaran pertubuhan itu setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepadanya, walaupun tiada pendakwaan telah dibuat terhadap pertubuhan itu di bawah seksyen kecil (2), atau apa-apa pendakwaan di bawah seksyen kecil (2) terhadap pertubuhan itu atau mana-mana orang lain, organisasi, ejensi atau pihak berkuasa masih belum selesai atau tidak menyebabkan yang dituduh itu dihukum sabit kesalahannya.

Rayuan
kepada
Menteri.

18H. Mana-mana pertubuhan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pendaftar di bawah seksyen 18B, 18D (b), 18E, 18F (4), 18G (1) atau 18G (3) boleh merayu terhadap keputusan itu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari dari tarikh keputusan yang dibuat oleh Pendaftar disampaikan kepada pertubuhan yang berkenaan itu, dan keputusan

Menteri mengenai rayuan itu adalah terakhir dan muktamad, dan tidak boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Peluang untuk membuat wakil kepada Pendaftar.

18I. Jika di bawah mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini sesuatu pertubuhan diberi peluang untuk membuat bantahan kepada Pendaftar, bantahan itu hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh sampainya notis itu kepada Pendaftar yang meminta pertubuhan itu supaya membuat bantahan kepadanya.

Menyiarkan butir-butir mengenai pertubuhan politik dalam *Warta*.

18J. Pendaftar hendaklah mengarahkan supaya butir-butir mengenai tiap-tiap pertubuhan berdaftar yang dikenali sebagai pertubuhan politik di bawah Bahagian ini disiarkan dalam *Warta*, mengikut apa-apa bentuk yang ditetapkan olehnya.”.

Pindaan bagi seksyen 21.

11. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda dengan—

- (a) menggantikan perkataan-perkataan “enam ratus” dalam perenggan (a) seksyen kecil (1) dengan perkataan-perkataan “satu ribu”; dan
- (b) menggantikan perkataan-perkataan “lima puluh lima” di mana jua ianya terdapat dalam perenggan (b) seksyen kecil (1) dengan perkataan-perkataan “enam puluh”.

Pindaan bagi seksyen 41.

12. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “seksyen 13” dalam perenggan (d) dengan perkataan-perkataan “seksyen 2A, 13, 16, 18F (4) atau 18G (3)”.

Seksyen 48 dipotong.

13. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipotong.

Pindaan bagi seksyen 49.

14. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “perenggan (b) atau perenggan-kecil (i) hingga (iv) dalam perenggan (c) sekshen-kecil (1) dalam sekshen 13” dengan perkataan-perkataan “seksyen 2A, atau perenggan (b) atau perenggan-perenggan kecil (i), (ii), (iii), (iv) atau (vi) perenggan (c) seksyen kecil (1) seksyen 13, atau di bawah seksyen 16, 18F (4) atau 18G (3)”.

PERTUBUHAN (PINDAAN)

17

15. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan “oleh mana-mana pertubuhan atau” selepas sahaja perkataan-perkataan “berupa telah di-lakukan” dalam seksyen kecil (1).

Pindaan
bagi
seksyen 51.

16. Jadual 1 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “ada-lah berjenis politik” dalam perenggan 2 dengan perkataan-perkataan “adalah pertubuhan politik”.

Pindaan
bagi
Jadual 1.

17. Akta ibu adalah dipinda dengan—

Kenaikan
denda.

(a) menggantikan perkataan “sa-ratus” dalam seksyen 6 (3) dengan perkataan-perkataan “dua ratus”;

(b) menggantikan perkataan “sa-ribu” dalam seksyen-seksyen 6 (3), 15 (2), 15 (3), 53 (3), 54 dan 67 (3) dengan perkataan-perkataan “dua ribu”;

(c) menggantikan perkataan-perkataan “lima ribu” dalam seksyen-seksyen 42, 45 (2), 49 dan 52 (3) dengan perkataan-perkataan “sepuluh ribu”;

(d) menggantikan perkataan-perkataan “tiga ribu” dalam seksyen-seksyen 43, 44 dan 46 dengan perkataan-perkataan “lima ribu”;

(e) menggantikan perkataan-perkataan “empat ribu” dalam seksyen 45 (1) dengan perkataan-perkataan “lapan ribu”;

(f) menggantikan perkataan-perkataan “dua ribu” dalam seksyen 47 dengan perkataan-perkataan “empat ribu”; dan

(g) menggantikan perkataan-perkataan “tiga ratus” dalam seksyen 50 (3) dengan perkataan “seribu”.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan 1966.

2: *Fasal 2* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan dua takrif baru, iaitu takrif mengenai perbahasaan “parti politik” dan “pertubuhan politik”.

3. *Fasal 3* Rang Undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 2A ke dalam Akta. Seksyen kecil (1) seksyen itu menghendaki pertubuhan-pertubuhan berdaftar menjalankan aktiviti-aktivitinya dan mengelolakan hal-ehwalnya dengan cara yang menepati, dan berfaedah bagi menunaikan, dan mematuhi peruntukan-peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan-perlembagaan Negeri. Jika sesuatu pertubuhan berdaftar tidak melaksanakan peruntukan-peruntukan seksyen kecil (1) tersebut, Pendaftar adalah diberikuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan itu setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepadanya. Seksyen kecil (2) seksyen itu, walau bagaimanapun, membolehkan pertubuhan yang telah dibatalkan pendaftarannya supaya merayu kepada Menteri terhadap keputusan Pendaftar.

4. *Fasal 5* Rang Undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 9A ke dalam Akta untuk mengadakan peruntukan bagi hilang kelayakan yang boleh dikenakan ke atas pemegang jawatan, penasihat dan pekerja pertubuhan berdaftar. Seksyen kecil (1) dalam seksyen baru 9A yang dicadangkan itu menetapkan hilang kelayakan itu. Walau bagaimanapun, seksyen kecil (4) membolehkan seseorang yang tertakluk kepada apa-apa hilang kelayakan itu memohon kepada Pendaftar supaya dikecualikan daripada hilang kelayakan itu, dan di bawah seksyen kecil (5) ia boleh merayu kepada Menteri terhadap keputusan Pendaftar. Seksyen kecil (7) seksyen baru itu bertujuan meluaskan lagi takrif "pemegang jawatan" yang terkandung dalam seksyen 2 Akta.

Seksyen kecil (8) dalam seksyen 9A yang dicadangkan bertujuan membolehkan seseorang yang menjadi pemegang jawatan, penasihat atau pekerja sesuatu pertubuhan berdaftar terus memegang jawatan atau terus menjadi penasihat atau pekerja sebelum sahaja mula berkuatkuasanya seksyen 9A sehingga tamat tempoh jawatan atau perlantikannya, atau sehingga tamatnya kontrak perkhidmatannya, mengikut mana yang berkenaan.

5. *Fasal 6* bertujuan mengadakan seksyen baru 11A bagi mewajibkan pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang berniat hendak mengadakan pergabungan atau perhubungan di luar Malaysia supaya mendapatkan kebenaran Pendaftar dan adalah menjadi suatu kesalahan jika tidak berbuat demikian. Seksyen kecil (2) dan (3) dalam seksyen itu membuat peruntukan-peruntukan peralihan yang perlu bagi pergabungan atau perhubungan pertubuhan berdaftar yang sedia ada di luar Malaysia.

6. *Fasal 8* Rang Undang-undang bertujuan menggantikan seksyen 13A Akta. Di bawah seksyen kecil (1) seksyen 13A yang dicadangkan Pendaftar adalah diberikuasa untuk membuat perintah-perintah tertentu berkenaan dengan sesuatu pertubuhan berdaftar jika ia berpuas hati bahawa adalah perlu berbuat demikian bagi kepentingan pertubuhan itu, atau bagi kepentingan ketenteraman, keamanan atau keselamatan awam, atau selainnya bagi kepentingan awam. Di bawah seksyen kecil (2) seksyen itu Pendaftar adalah selanjutnya diberikuasa mewajibkan sesuatu pertubuhan itu supaya meminda kaedah-kaedah atau perlembagaannya bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam seksyen

kecil itu. Seksyen kecil (6) membolehkan pertubuhan itu merayu kepada Menteri terhadap keputusan Pendaftar di bawah seksyen itu. Seksyen kecil (7) mengadakan peruntukan mengenai tanggungan jenayah terhadap pertubuhan-pertubuhan atau orang-orang yang melanggar apa-apa jua perintah, kehendak atau arahan Pendaftar.

7. *Fasal 10* bertujuan memasukkan Bahagian baru 1A dalam Akta supaya mengadakan peruntukan-peruntukan tertentu mengenai pertubuhan-pertubuhan politik.

Seksyen 18A dalam Bahagian baru ini menerangkan bahawa peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Bahagian ini hendaklah digunakan bagi pertubuhan-pertubuhan politik selain daripada yang terkandung dalam Bahagian 1 dan 3 Akta dan bahawa sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau pertentangan antara mana-mana peruntukan bahagian baru itu dan mana-mana peruntukan lain Akta, peruntukan Bahagian baru itu hendaklah dipakai.

Seksyen 18B bertujuan mengadakan peruntukan bahawa jika sesuatu pertubuhan yang memohon pendaftaran ialah suatu pertubuhan politik, pertubuhan itu mestilah menyatakan hal sedemikian itu dalam permohonanannya, dan Pendaftar hendaklah mengenalinya sebagai suatu pertubuhan politik dengan sewajarnya. Jika Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu adalah suatu pertubuhan politik memandangkan tujuan dan kaedah pertubuhan itu tetapi pertubuhan itu tidak menyatakan sedemikian dalam permohonannya, Pendaftar adalah diberikuasa untuk mengenali pertubuhan itu sebagai pertubuhan politik setelah memberi peluang kepada pertubuhan itu membuat bantahan kepada Pendaftar.

Seksyen 18C ialah peruntukan peralihan bagi pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan sebelum mula berkuatkuasanya Bahagian baru 1A yang dicadangkan. Seksyen itu menghendaki pertubuhan-pertubuhan supaya memberitahu Pendaftar sama ada pertubuhan itu pertubuhan politik atau tidak dan Pendaftar dapatlah mengenali pertubuhan itu dengan sewajarnya. Keterangan ini hendaklah diberi dalam masa tiga bulan setelah mula berkuatkuasanya Bahagian 1A, tetapi Pendaftar adalah diberikuasa untuk melanjutkan had masa ini jika terdapat alasan-alasan yang baik dan jika patut dan wajar berbuat demikian.

Seksyen 18D memberikuasa kepada Pendaftar untuk mengenali mana-mana pertubuhan berdaftar sebagai pertubuhan politik pada bila-bila masa jika pertubuhan itu memohon supaya dikenali sedemikian, atau jika ia berpuas hati bahawa pertubuhan itu adalah, atau telah menjadi, suatu pertubuhan politik. Bagaimanapun, jika ia bercadang hendak mengenalkan pertubuhan itu sebagai pertubuhan politik, bukan atas kehendak pertubuhan itu, ia mestilah memberi peluang kepada pertubuhan itu untuk membuat bantahan kepadanya.

Seksyen 18E memberikuasa kepada Pendaftar untuk membatalkan pengenalan mana-mana pertubuhan yang menjadi pertubuhan politik jika pertubuhan itu memohon dibatalkan sedemikian dan Pendaftar berpuas hati bahawa pertubuhan itu telah berhenti daripada menjadi pertubuhan politik.

Seksyen 18F melarang sesuatu pertubuhan politik daripada mengambil mana-mana orang yang bukan warganegara Persekutuan sebagai ahli dan juga melarang mana-mana orang itu daripada menjadi atau terus menjadi ahli pertubuhan itu atau daripada cuba berbuat demikian. Jika pertubuhan itu melanggar larangan ini maka pendaftaran pertubuhan itu bolehlah dibatalkan.

Seksyen 18G melarang pertubuhan politik daripada mendapatkan apa-apa wang, atau apa-apa harta lain, atau apa-apa faedah atau keuntungan berupa wang dari apa-apa sumber asing, tetapi Pendaftar adalah diberikuasa untuk membenarkan pertubuhan politik menerima wang atau harta-harta lain, atau faedah atau keuntungan berupa wang secara langsung dari sumber asing tertakluk kepada apa-apa batasan, sekatan, penentuan, had atau syarat yang dikenakan oleh Pendaftar. Melanggar apa-apa larangan atau apa-apa had atau syarat, dsb. yang dikenakan oleh Pendaftar bagi melonggarkan larangan adalah menjadi suatu kesalahan. Selanjutnya, pelanggaran itu boleh menyebabkan pendaftaran pertubuhan itu dibatalkan oleh Pendaftar setelah Pendaftar memberi peluang kepada pertubuhan itu untuk membuat bantahan.

Seksyen 18H mengadakan peruntukan mengenai rayuan yang boleh dibuat kepada Menteri berkenaan dengan berbagai-bagai keputusan Pendaftar di bawah Bahagian ini.

Seksyen 18i memperuntukkan bahawa bantahan oleh pertubuhan kepada Pendaftar di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat dalam masa tiga puluh hari dari tarikh sampainya notis itu kepada Pendaftar yang meminta bantahan itu.

Seksyen 18J menghendaki Pendaftar mengarah supaya butir-butir mengenai tiap-tiap pertubuhan berdaftar yang dikenali sebagai pertubuhan politik disiarkan dalam *Warta*.

8. *Fasal 11* Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 21 Akta supaya membolehkan sesuatu pertubuhan faedah bersama memperuntukkan dalam kaedah-kaedahnya faedah sehingga seribu ringgit bagi menggantikan had sebanyak enam ratus ringgit yang sedia ada. Seksyen itu juga bertujuan untuk meningkatkan umur maksimum untuk menjadi ahli atau penyumbang sesuatu pertubuhan faedah bersama dari lima tahun ke enam puluh tahun.

9. *Fasal-fasal 4, 7, 9, 12, 13, 14, 15 dan 16* Rang Undang-undang bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pindaan-pindaan berbangkit yang tertentu.

10. *Fasal 17* bertujuan meninggikan denda-denda yang diperuntukkan dalam Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (Terj.) 473.]